

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

14 September 2013

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Tawaran terbitan awam (IPO) yang akan dilancarkan 1MDB, aset menara telekomunikasi Axiata dan Westports boleh memberi sedikit petunjuk samada senario pasaran masih menggalakkan di pasaran saham berbanding pelaburan di dalam aset pendapatan tetap yang secara tradisinya lebih selamat, lebih-lebih lagi di dalam pasaran serantau yang tidak menentu pada masa ini.

Ia boleh menerangkan kehadiran pelabur-pelabur institusi asas di dalam tawaran tersebut yang memberi kestabilan di dalam situasi pasaran serantau yang agak tidak menentu. Namun demikian, peluang juga perlu dipanjangkan kepada para pelabur runcit untuk menyertai tawaran awam ini.

Pada minggu lepas kami telah memberi komen di media mengenai saham-saham syarikat daripada negara China yang tersenarai di Bursa Malaysia. Untuk makluman, terdapat 9 syarikat sebegini yang tersenarai di Bursa Malaysia dan kesemuanya diniagakan di bawah paras harga IPO mereka. Ada di antaranya yang mempunyai perniagaan yang berdaya maju, dan mencatatkan keuntungan dengan nilai nisbah harga perolehan (PE) yang rendah. Oleh itu, kami berpandangan bahawa syarikat-syarikat tersebut perlu terus menghasilkan nilai untuk pemegang sahamnya untuk menepikan persepsi negatif terhadap syarikat daripada China. Syarikat-syarikat ini perlu menganjurkan lebih banyak sesi taklimat untuk memaklumkan kepada para pelabur mengenai syarikat mereka, bersikap telus dan memberi dividen yang berpatutan dan konsisten untuk menarik pelabur.

Dalam hal berasingan, saya ingin berkongsi mengenai laporan mengenai "*Women in leadership across the Commonwealth*" (Wanita dalam Kepimpinan di Komanwel) oleh Majlis Perniagaan Komanwel-ACCA. Antara cadangannya ialah untuk mewujudkan pangkalan data di Komanwel bagi wanita yang sedia untuk menyertai lembaga pengarah dan memantau pembangunannya. Walau bagaimanapun, kami melihat sokongan yang diberi oleh lembaga pengarah syarikat ke arah mencapai matlamat tersebut masih rendah di rantau ini. Sebagai contohnya, Malaysia hanya mempunyai 8.7% peratus wanita yang telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah untuk tahun 2012. Sudah tiba masanya bagi lembaga pengarah untuk menangani isu ini secara serius, dan bukannya sekadar melepaskan batuk di tangga. Ini adalah kerana isu kepelbagaian gender sememangnya adalah salah satu daripada aspek pengurusan

risiko. Dengan demikian, lembaga pengarah tidak boleh lagi mengabaikan elemen tadbir urus korporat ini.

Dalam senario antarabangsa, Larry Summers telah menarik diri sebagai calon yang berpotensi untuk menggantikan Ben Bernanke sebagai Pengerusi Bank Rizab Persekutuan Amerika Syarikat. Ini menjadikan timbalan pengerusinya, Janet Yellen sebagai calon utama untuk menjawat jawatan tersebut. Yellen dilihat sebagai lebih condong terhadap, mengekalkan kadar faedah yang rendah untuk lebih lama dengan merangka program belian bonnya secara berperingkat. Berikutan ini, kita telah menyaksikan kadar faedah rizab Persekutuan tidak meningkat seperti yang dijangkakan. Ini telah menyebabkan pasaran serantau naik sepertimana dijangkakan.

Susulan skandal perdagangan 'London Whale' JP Morgan di mana bank tersebut telah mengalami kerugian sebanyak USD6.2 bilion, bank tersebut telah didenda sebanyak USD920 juta oleh pihak pengawalselia setelah mengakui kesalahan yang telah dilakukan tanpa mengakui liabiliti. Ini menimbulkan persoalan mengenai kawalan dalaman bank dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka-mereka yang melakukan kesalahan tersebut.

Salam,

Rita

CEO DALAM BERITA

Restoring lustre of China stocks on Bursa
<http://www.thesundaily.my/news/832603>

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

Beberapa pembaharuan yang telah lama dinantikan akan menjadi pemangkin kepada sektor tenaga termasuklah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api (*Fuel cost pass through*, FCPT) dan medan persaingan yang lebih sama rata dalam bidaan penjana kuasa baharu melalui pengasingan unit-unit perniagaan Tenaga Nasional.

KOMEN MSWG:

Tenaga Nasional kini dibenarkan untuk mendapat balik kos bahan apinya melalui pelarasan tarif secara berkala (setiap 6 bulan), yang akan menetapkan tarif elektrik selari dengan harga pasaran. Pengeluar kuasa bebas (IPP) pula perlu bersaing di medan persaingan yang lebih sama rata.

Ini akan menghasilkan kos tenaga Malaysia yang selari dengan harga pasaran. Walaubagaimanapun, pembaharuan tersebut perlu tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah atau sektor-sektor penting seperti sektor pembuatan dan industri.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

KARYON INDUSTRIES BERHAD (“KIB”)

Pada 24 April 2013 Jawatankuasa Audit KIB telah mengesyorkan pelantikan semula Messrs Raki CS Tan & Ramanan (“Raki”) sebagai juruaudit syarikat tersebut dan pelantikan ini telah pun dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pada 23 Jun 2013.

Walaubagaimanapun, pada 30 Ogos 2013 pengerusi KIB Loh Chen Yook dan pengarah bukan eksekutif Loh Fatt Chong telah mengeluarkan satu notis khas bagi penyingkiran juruaudit pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang akan diadakan. Juruaudit tersebut telah pada 6 September 2013 menulis kepada Lembaga Pengarah KIB untuk mendapatkan penjelasan mengenai cadangan penyingkiran firma audit tersebut sebagai juruaudit syarikat dan telah menyatakan dalam suratnya yang bertarikh 10 September 2013 bahawa *“the audit committee has not engaged with us to hear any explanation we might have for the notice of removal especially so when the requisition is from the chairman himself”*. (“jawatankuasa audit tidak menghubungi kami untuk mendengar sebarang penjelasan daripada kami mengenai notis penyingkiran tersebut lebih-lebih lagi apabila permintaan penyingkiran tersebut adalah daripada pengerusi syarikat sendiri”).

Lembaga Pengarah KIB telah membuat pengumuman pada 18 September 2013 bahawa KIB telah pada tarikh yang sama menerima surat daripada Loh Chen Yook dan Loh Fatt Chong mengenai sebab-sebab bagi penyingkiran Raki sebagai juruaudit syarikat. Sebab-sebab tersebut adalah kesalahan yang tidak disengajakan oleh Messrs CS Tan & Associates dalam membuat keperluan penzahiran di bawah Piawai Laporan Kewangan Malaysia 1 dan penzahiran di saat-saat akhir oleh juruaudit mengenai penggabungan di antara Messrs CS Tan & Associates and Messrs Raki Thomas & Ramanan.

KOMEN MSWG:

Kami sedikit terkejut dengan langkah yang diambil oleh Pengerusi dan salah seorang daripada pengarah syarikat untuk meminta kelulusan pemegang saham menyingkirkan juruaudit syarikat selepas juruaudit tersebut dilantik semua dalam AGM tiga bulan yang lalu. Walaupun undang-undang memberi kuasa kepada pemegang saham yang memegang jumlah pegangan saham tertentu hak untuk memanggil EGM dan mencadangkan kepada mesyuarat untuk menyingkirkan juruaudit syarikat, kita mesti mengambilkira akan peranan juruaudit dan sebab-sebab bagi penyingkirannya. Juruaudit sebagai sebahagian daripada ekosistem tadbir urus korporat memainkan peranan yang penting, oleh itu proses penyingkiran mestilah disertakan dengan penjelasan yang mencukupi daripada Jawatankuasa Audit, di mana jika ianya berdiam diri akan menimbulkan lebih banyak persoalan.

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD (“KPSB”)

Pada 6 Mac 2013, syarikat telah mengumumkan bahawa KPSB dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (“KDEB”), syarikat induk KPSB, bersetuju harga pembelian bagi 56.57% kepentingan ekuiti di dalam Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB”) akan dilakukan pada premium minima sebanyak RM0.76 bagi setiap saham KHSB (“Cadangan Penjualan”). Akhirnya, harga tawaran tersebut telah disemak semula kepada RM0.838 bagi setiap saham KHSB pada 28 Jun 2013.

Penasihat Bebas (“IA”), Crowe Horwath telah menerbitkan surat nasihat bebas pada 26 Ogos 2013 yang memberi sokongan bahawa terma-terma Cadangan Penjualan tersebut adalah adil dan munasabah bagi pemegang-pemegang saham tidak berkepentingan, dan bahawa Cadangan Penjualan tersebut adalah

bagi kepentingan terbaik KPSB dan tidak menjejaskan pemegang saham tidak berkepentingan KPSB. Mengambil kira hal ini, IA telah mengesyorkan supaya pemegang saham KPSB menyokong Cadangan Penjualan tersebut di dalam EGM yang telah diadakan pada 18 September 2013. Pemegang saham syarikat telah meluluskan resolusi bagi Cadangan Penjualan di dalam EGM tersebut.

KOMEN MSWG:

Kami berpandangan bahawa harga tawaran tersebut adalah rendah dan dianggap tidak adil memandangkan ianya adalah pada kadar diskaun yang besar sebanyak 43% ke atas nilai aset bersih boleh direalisasikan (RNAV). Walaubagaimanapun, resolusi berkaitan Cadangan Penjualan tersebut telahpun diluluskan oleh 99% jumlah saham yang mengundi. Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk mengagihkan 46.6% daripada hasil jualan kepada pemegang saham sebagai dividen khas sebanyak 26.67 sen sesaham berjumlah RM99.2 juta.

PATIMAS COMPUTERS BERHAD (“PATIMAS”)

Pada 1 Mac 2013, Dato’ Seri Abdul Azim bin Mohd Zabidi telah membeli lagi sebanyak 10,000,000 saham di dalam Patimas menjadikan jumlah pegangannya sebanyak 6.6%. Selepas itu pada 14 Mei 2013, Lembaga Pengarah Patimas telah mengumumkan ringkasan penemuan-penemuan penting di dalam Laporan Audit Siasatan. Pada 23 Mei 2013, Dato’ Seri Abdul Azim bin Mohd Zabidi, melalui syarikatnya Syawaras Sdn Bhd telah menjual keseluruhan pegangannya di dalam Patimas. Pada 30 Mei 2013, Pengerusi Jawatankuasa Audit syarikat telah membuat laporan polis berdasarkan penemuan-penemuan di dalam Laporan Audit Siasatan.

KOMEN MSWG:

Syarikat mempunyai tempoh masa sehingga 31 Oktober 2013 untuk menyerahkan pelan regularisasinya kepada Bursa Malaysia. Patimas akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-21 pada 25 September 2013.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Muhammad ‘Ammar Maslan, Penganalisa, Pemantauan Korporat ammar@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut, kecuali bagi Karyon Industries Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.